



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
(PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH)

NOTIS RALAT

Merujuk kepada iklan tender **TD/SUK/104/2022-1** yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah pada 26 Mei 2022 seperti tajuk **TENDER BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN ICT DAN KELENGKAPAN UNTUK KEGUNAAN PELBAGAI JABATAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**, dimaklumkan bahawa terdapat pindaan berhubung tarikh tutup tender atas sebab 19 Jun 2022 (Ahad) adalah hari cuti umum Negeri Kedah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan **Tarikh Tutup Tender** dipinda seperti dibawah:

ASAL	PINDAAN
Tarikh Tutup Tender 19 JUN 2022 (AHAD) , JAM 12.00 TENGAH HARI	Tarikh Tutup Tender 20 JUN 2022 (ISNIN) , JAM 12.00 TENGAH HARI

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila kemukakan pesanan bertulis ke alamat emel **perolehan_btmk@kedah.gov.my**. Lain-lain maklumat/syarat dalam notis tender ini adalah tidak berubah. Segala kesulitan amatlah dikesali

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA -NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(MOHD HAMRI BIN ABIDIN, AMK.,BCK.)
Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
b.p Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
(PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH)

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210101, 210103 dan 210107 dan berdaftar Kontraktor dengan Kerajaan Negeri Kedah (iDAFTAR) tahun 2022 dan masih dibenarkan menyertai Tender pada masa ini bagi kerja perkhidmatan berikut:-

NO. TAWARAN	TD/SUK/104/2022-1
SKOP KERJA	TENDER BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN ICT DAN KELENGKAPAN UNTUK KEGUNAAN PELBAGAI JABATAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
HARGA DOKUMEN	RM200.00 senaskah. BAYARAN INI TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN
TARIKH BUKA	27 MEI 2022 (JUMAAT)
TARIKH TUTUP	19 JUN 2022 (AHAD) , JAM 12.00 TENGAH HARI

2. Syarikat yang berminat, hendaklah membuat PERAKUAN menyertai Tender di sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut No Tawaran iaitu TD/SUK/104/2022-1 bagi jumlah RM200.00 sebelum dokumen softcopy Tender dikemukakan kepada syarikat. Urusan penjualan Dokumen Tawaran dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

3. Syarikat dikehendaki menyemak No Siri Kawalan Dokumen yang diberikan melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan No Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Tender pada ruangan kotak disediakan. Kegagalan ini, boleh mengakibatkan dokumen ditolak.

4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dicatitkan No Tender:TD/SUK/104/2022-1 pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran Tender yang disediakan di pejabat :

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (BTMK)
D/A PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH
ARAS 2, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN



5. Syarikat perlu memastikan SOP KKM bagi membendung penularan wabak Covid-19 dipatuhi seperti amalan penjarakan fizikal dan tidak dibenarkan sama sekali amalan penghantaran dokumen tawaran secara berkumpulan.

6. Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran dokumen Tender. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Tender yang disediakan oleh Jabatan dengan ajen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.

7. PIHAK KERAJAAN tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali dari mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan, sila kemukakan pesanan bertulis ke alamat emel perolehan_btmk@kedah.gov.my.

ARAHAN : PENGARAH, BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH

